

Bil. S 64

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH SURATKHABAR-SURATKHABAR TEMPATAN
(PINDAAN), 2001

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran, permulaan kuatkuasa dan pengenaaan.
2. Pindaan gelaran panjang Penggal 105.
3. Pindaan bab 1.
4. Pindaan bab 2.
5. Pemansuhan bab 3.
6. Pemasukan bab-bab 3A, 3B, 3C dan 3D baru.
7. Pindaan bab 4.
8. Pemansuhan bab-bab 5 dan 6.
9. Penggantian bab 7.
10. Pindaan bab 8.
11. Pindaan bab 9.
12. Pindaan bab 11.
13. Pindaan bab 12.
14. Pindaan bab 13.
15. Pindaan bab 14.
16. Pindaan bab 15.
17. Tambahan Jadual-Jadual.
18. Pindaan Peraturan-Peraturan Suratkhbar Tempatan.
19. Pembuatan Peraturan-Peraturan Suratkhbar (Permit), 2001.

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH SURATKHABAR-SURATKHABAR TEMPATAN
(PINDAAN), 2001

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraiian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran, permulaan kuatkuasa dan pengenaan.

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Suratkhobar-Suratkhobar Tempatan (Pindaan), 2001 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada suatu tarikh sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Perintah ini hendaklah juga dikenakan kepada suratkhobar-suratkhobar yang didaftarkan sebelum tarikh permulaan kuatkuasa Perintah ini.

Pindaan gelaran panjang Penggal 105.

2. Gelaran panjang Akta Suratkhobar-suratkhobar Tempatan, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta tersebut, adalah dipinda dengan memotong "memperuntukkan pendaftaran suratkhobar-suratkhobar yang dicetak" dan menggantikannya dengan "mengawalselia pencetakan, penerbitan, pengeluaran dan pengeluaran semula suratkhobar-suratkhobar".

Pindaan bab 1.

3. Bab 1 dari Akta tersebut adalah dipinda dengan memotong "Tempatan".

Pindaan bab 2.

4. Bab 2 dari Akta tersebut adalah dipinda —

(a) dalam takrifan "suratkhobar tempatan", dengan memasukkan "dan termasuk suatu majalah tempatan" sejurus selepas "Brunei";

(b) dalam takrifan "suratkhobar", dengan memasukkan "atau mana-mana majalah, komik atau terbitan berkala yang lain", sejurus selepas "awam", dalam baris keenam;

(c) dengan memasukkan takrifan-takrifan baru yang berikut mengikut susunan abjad yang betul —

"majalah tempatan" bermakna suatu majalah yang dicetak di Negara Brunei Darussalam;

"Menteri" bermakna Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri;

"suratkhabar luar negeri" bermakna suatu suratkhabar selain dari suratkhabar tempatan;"

Pemansuhan bab 3.

5. Akta tersebut adalah dipinda dengan memansuhkan bab 3 dan menggantikannya dengan bab baru yang berikut —

"Permit.

3. (1) Setelah menerima suatu permohonan untuk mendapatkan suatu permit di bawah Akta ini dan setelah bayaran yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dan sebarang deposit dalam jumlah yang ditetapkan dalam Jadual Kedua dibayar, Menteri boleh memberi suatu permit tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan olehnya, yang akan dicatatkan dalam permit itu.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan makna ceraiian (1), Menteri boleh, dalam menentukan syarat-syarat permit itu, menyatakan bahawa jumlah maksimum naskhah bagi setiap keluaran suratkhabar yang boleh dicetak, diterbitkan, dijual atau diedarkan di Negara Brunei Darussalam hendaklah ditentukan olehnya.

(3) Setiap permit tersebut, melainkan jika dibatalkan atau digantung lebih awal, adalah sah selama satu tahun mulai dari tarikh ia dikeluarkan, dan boleh dibaharui bagi tempoh-tempoh selanjutnya yang tidak melebihi dari 12 bulan berkaitan dengan setiap pembaharuan.

(4) Menteri boleh, setelah memberikan kepada pemohon atau pemegang permit, mengikut mana yang berkenaan, suatu peluang untuk didengar, pada bila-bila masa dan atas sebarang alasan dan tanpa memberikan sebabnya, enggan memberi atau membatalkan, atau boleh menggantung selama suatu tempoh sebagaimana yang difikirkannya patut, suatu permit kepada mana-mana suratkhabar tempatan atau mana-mana suratkhabar luar negeri.

(5) Sebarang keputusan Menteri untuk enggan memberi, membatalkan atau menggantung permit itu adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan oleh mana-mana mahkamah atas sebarang alasan apa pun.

(6) Notis mengenai pemberian, keengganan untuk memberi, pembatalan atau penggantungan suatu permit di bawah bab ini hendaklah disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

(7) Deposit di bawah ceraian (1) hendaklah digunakan untuk membayar sebarang denda yang mungkin dikenakan kepada tuan punya, pencetak, penerbit atau penyunting suratkhbar yang berkenaan itu, sama ada di bawah Akta ini atau berkaitan dengan sebarang bahan yang tersiar dalam suratkhbar tersebut, dan hendaklah juga digunakan untuk membayar sebarang gantirugi yang mungkin diaward dalam sebarang tindakan kerana fitnah bertulis berkaitan dengan sebarang bahan yang tersiar dalam suratkhbar tersebut dan kos bagi sebarang tindakan tersebut.

(8) Pendaftar boleh mengarahkan bahawa kesemua deposit itu atau sebahagiannya sebagaimana yang mungkin diperlukan hendaklah dibayar berkaitan dengan denda, gantirugi atau kos tersebut dan bahawa deposit itu hendaklah diselenggarakan mengikut jumlah yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(9) Tuan punya, pencetak, penerbit atau penyunting boleh, pada bila-bila masa, memberi notis kepada Pendaftar bahawa dia tidak berhasrat hendak membaharui permit itu dan Pendaftar boleh, setelah permit itu tamat tempohnya, mengarahkan bahawa jumlah wang yang dideposit berkaitan dengan suratkhbar tersebut, atau sebanyak mana dari jumlah wang yang masih dideposit itu, hendaklah dibayar kepada orang yang berhak menerimanya."

Pemasukan bab-bab 3A, 3B, 3C dan 3D baru.

6. Akta tersebut adalah dipinda dengan memasukkan empat bab baru yang berikut sejurus selepas bab 3—

"Tiada suratkhbar boleh diterbitkan tanpa permit.

3A. (1) Tertakluk kepada ceraian (2), tiada sesiapa pun boleh mencetak, menerbitkan atau membantu dalam mencetak atau menerbitkan mana-mana suratkhbar di Negara Brunei Darussalam melainkan jika tuan punya, pencetak, penerbit atau penyunting suratkhbar tersebut telah terlebih dahulu mendapatkan suatu permit yang diberikan oleh Menteri yang membenarkan penerbitannya.

(2) Tiada permit boleh diberikan kepada tuan punya, pencetak, penerbit atau penyunting mana-mana suratkhbar yang penerbitannya akan menjadi suatu kesalahan di bawah bab 3C.

(3) Mana-mana orang yang melanggar bab ini atau gagal mematuhi sebarang syarat yang dikenakan di bawah ceraian (1) bab 3 adalah melakukan

suatu kesalahan dan boleh apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$40,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

Permit dikehendaki untuk penjualan dan pengedaran suratkhbar luar negeri di Negara Brunei Darussalam.

3B. (1) Suratkhbar luar negeri tidaklah boleh diterbitkan, dijual, ditawarkan untuk jualan atau dicetak untuk edaran di Negara Brunei Darussalam melainkan jika tuan punya suratkhbar tersebut atau ejennya telah terlebih dahulu mendapatkan suatu permit yang diberikan oleh Menteri yang membenarkan penerbitan, penjualan atau pengedaran suratkhbar tersebut di Negara Brunei Darussalam.

(2) Setiap permit tersebut hendaklah berkuatkuasa berkaitan dengan tuan punya yang diberikan permit tersebut atau ejennya.

(3) Menteri boleh mengenakan sebagai syarat-syarat pemberian suatu permit bahawa tuan punya hendaklah menubuhkan dan menyelenggarakan suatu tempat perniagaan di dalam Negara Brunei Darussalam, bahawa dia hendaklah melantik orang-orang di dalam Negara Brunei Darussalam yang dibenarkan untuk menerima penyampaian sebarang notis atau proses undang-undang bagi pihaknya dan bagi pihak pencetak, penerbit atau penyunting dan bahawa dia hendaklah memberikan kepada Pendaftar nama dan alamat orang-orang yang dilantik itu.

(4) Mana-mana orang yang melanggar bab ini atau gagal mematuhi sebarang syarat yang dikenakan di bawah cerai (1) bab 3 adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$40,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

Syarikat suratkhbar tempatan.

3C. (1) Suratkhbar tempatan tidaklah boleh dicetak atau diterbitkan di Negara Brunei Darussalam kecuali oleh suatu syarikat yang ditubuhkan dan didaftarkan di bawah Akta Syarikat-Syarikat (Penggal 39).

(2) Dalam setiap syarikat tersebut, pengarah-pengarah hendaklah terdiri daripada rakyat Negara Brunei Darussalam atau orang-orang yang telah diberikan suatu Permit Mastautin di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta Imigresen (Penggal 17) atau kedua-duanya.

(3) Pencetak, penerbit, penyunting, ketua penyunting atau wartawan, yang bukan rakyat Negara Brunei Darussalam atau orang yang telah diberikan suatu Permit Mastautin di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta Imigresen (Penggal 17), tidaklah boleh mempunyai kaitan

dalam sebarang jawatan tersebut dengan mana-mana syarikat itu melainkan jika dia telah mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada Jabatan Perdana Menteri.

(4) Mana-mana orang yang melanggar bab ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$40,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

Dana dari sumber asing bagi maksud-maksud suratkhbar selain dari maksud-maksud perdagangan adalah dilarang.

3D. (1) Tertakluk kepada bab ini, tiada sesiapa pun boleh, apabila atau setelah suatu permit diberikan atau dibaharui di bawah bab 3, menerima bagi pihak atau bagi maksud-maksud sebarang suratkhbar apa-apa dana dari suatu sumber asing tanpa kebenaran Menteri terlebih dahulu.

(2) Menteri boleh memberi kebenaran tersebut jika dia berpuashati, atas maklumat sebagaimana yang mungkin dikehendaknya untuk diberikan kepadanya, bahawa dana dari suatu sumber asing adalah untuk maksud-maksud perdagangan *bona fide*.

(3) Dengan tidak menghiraukan cerai (1), jika apa-apa dana dari suatu sumber asing dikirimkan kepada mana-mana orang tanpa pengetahuan, persetujuan atau permintaannya terlebih terdahulu dan dana itu adalah untuk atau diberikan oleh pemberi bagi maksud-maksud suratkhbar tersebut, orang itu hendaklah, dalam masa 3 hari dari menerimanya, melaporkan hal keadaan dan butir-butir penerimaan dana itu dan tujuan dana itu diterima kepada Menteri.

(4) Jika dana dari suatu sumber asing telah diterima oleh mana-mana orang bagi maksud-maksud suratkhbar tersebut di bawah cerai (3) dan Menteri enggan memberi kebenarannya supaya dana tersebut disimpan, orang itu hendaklah, dalam masa sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri, memulangkan dana tersebut kepada pengirimnya atau, jika pengirimnya tidak dapat dikesan, dana tersebut hendaklah didermakan kepada mana-mana pertubuhan amal yang ditentukan oleh Menteri.

(5) Mana-mana orang yang melanggar atau gagal mematuhi cerai (1), (3) atau (4) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$40,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 3 tahun atau kedua-duanya sekali dan Mahkamah boleh, selain dari sebarang hukuman lain yang mungkin dikenakan olehnya, memerintahkan supaya apa-apa dana yang menjadi perkara pertuduhan itu dirampas menjadi hak Kerajaan.

(6) (a) Mana-mana wartawan yang, setelah menerima apa-apa dana dari suatu sumber asing kerana mencetak atau menerbitkan sebarang bahan berita atau rencana atau kerana mengambil sikap tertentu atau pendirian berat sebelah berkaitan dengan sebarang bahan berita atau rencana, gagal melaporkan secara bertulis dalam masa 7 hari kepada pengarah urusan syarikat suratkhabarnya tentang penerimaan dana tersebut adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$40,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

(b) Apa-apa dana yang diterima dari luar Negara Brunei Darussalam oleh seorang wartawan hendaklah dianggap sebagai dana dari suatu sumber asing melainkan jika dibuktikan sebaliknya.

(7) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh dikenakan kepada sebarang urusniaga oleh mana-mana orang, dalam saham-saham suatu syarikat suratkhabar yang disebut harga dalam pasaran saham di Negara Brunei Darussalam.

(8) Bagi maksud-maksud bab ini —

"sumber asing" termasuk —

(a) kerajaan sesebuah negara di luar Negara Brunei Darussalam atau ejen mana-mana kerajaan tersebut, sama ada bermastautin di Negara Brunei Darussalam ataupun tidak;

(b) mana-mana syarikat, persatuan atau pertubuhan yang diperbadankan atau ditubuhkan di bawah sebarang undang-undang yang berkuatkuasa di luar Negara Brunei Darussalam sama ada atau tidak ia mempunyai suatu pejabat cawangan atau tempat perniagaan di Negara Brunei Darussalam;

(c) mana-mana orang yang bukan rakyat Negara Brunei Darussalam sama ada atau tidak dia bermastautin di Negara Brunei Darussalam; atau

(d) sumber lain di luar Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang mungkin diisytiharkan oleh Menteri, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*, sebagai sumber asing bagi maksud-maksud bab ini;

"dana" bermakna, sekuriti, harta alih atau harta tak alih atau balasan berharga yang lain."

Pindaan bab 4.

7. Bab 4 dari Akta tersebut adalah dipinda —

(a) dalam ceraian (1) —

- (i) dengan memotong "pendaftaran" dari baris kedua dan menggantikannya dengan "penerbitan";
- (ii) dengan memasukkan "dan mana-mana suratkhbar luar negeri" sejurus selepas "suratkhbar tempatan" dalam baris ketiga;

(b) dalam ceraian (3), dengan memotong "penjara selama 6 bulan dan denda sebanyak \$5,000" dari dua baris terakhir dan menggantikannya dengan "suatu denda yang tidak melebihi dari \$40,000, penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 3 tahun atau kedua-duanya sekali";

(c) dalam nota tepi, dengan memotong "pendaftaran" dan menggantikannya dengan "penerbitan".

Pemansuhan bab-bab 5 dan 6.

8. Bab-bab 5 dan 6 dari Akta tersebut adalah dimansuhkan.

Penggantian bab 7.

9. Akta tersebut adalah dipinda dengan memansuhkan bab 7 dan menggantikannya dengan yang berikut —

" Penerbitan berita palsu.

7. (1) Jika dalam sebarang terbitan ada diterbitkan sebarang berita palsu dengan niat jahat, pencetak, penerbit, penyunting dan penulisnya adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi \$40,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Bagi maksud-maksud bab ini, niat jahat hendaklah dianggap disebabkan tiada bukti yang menunjukkan bahawa, sebelum penerbitan, tertuduh telah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk mengesahkan kesahihan berita tersebut.

(3) Pendakwaan kerana suatu kesalahan di bawah bab ini tidaklah boleh dimulakan tanpa persetujuan secara bertulis daripada Pendakwa Raya."

Pindaan bab 8.

10. Ceraian (1) bab 8 dari Akta tersebut adalah dipinda dengan memotong "penjara selama 6 bulan dan denda \$5,000" dari baris terakhir dan menggantikannya dengan "suatu denda yang tidak melebihi dari \$40,000, penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 3 tahun atau kedua-duanya sekali".

Pindaan bab 9.

11. Bab 9 dari Akta tersebut adalah dipinda dengan memasukkan "atau mana-mana suratkhbar luar negeri" sejurus selepas "suratkhbar tempatan" dalam baris ketiga.

Pindaan bab 11.

12. Bab 11 dari Akta tersebut adalah dipinda dengan memasukkan "atau mana-mana suratkhbar luar negeri" sejurus selepas "suratkhbar" dalam baris kedua.

Pindaan bab 12.

13. Bab 12 dari Akta tersebut adalah dipinda dengan memasukkan "atau mana-mana suratkhbar luar negeri" sejurus selepas "suratkhbar tempatan" dalam baris keempat.

Pindaan bab 13.

14. Bab 13 dari Akta tersebut adalah dipinda —

(a) dalam ceraian (1) —

- (i) dengan memasukkan "Pendaftar," sejurus selepas "kepada" dalam baris kelima;
- (ii) dengan memotong "Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat" dari dua baris terakhir dan menggantikannya dengan "Menteri";

(b) dalam ceraian (2), dengan memotong "sebanyak \$500" dan menggantikannya dengan "tidak melebihi \$10,000";

(c) dalam nota tepi, dengan memotong "kepada Pengarah Penerangan".

Pindaan bab 14.

15. Bab 14 dari Akta tersebut adalah dipinda dengan memasukkan "atau mana-mana suratkhabar luar negeri" sejurus selepas "suratkhabar tempatan" dalam baris pertama.

Pindaan bab 15.

16. Bab 15 dari Akta tersebut adalah dipinda —

(a) dengan memotong "Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat" dari baris pertama dan kedua dan menggantikannya dengan "Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan,";

(b) dalam perenggan (a), dengan memasukkan ", suratkhabar-suratkhabar luar negeri" sejurus selepas "suratkhabar-suratkhabar tempatan" dalam baris pertama;

(c) dalam perenggan (b), dengan menambah "dan suratkhabar-suratkhabar luar negeri" sejurus selepas "suratkhabar-suratkhabar tempatan";

(d) dalam perenggan (c), dengan memasukkan "dan suratkhabar-suratkhabar luar negeri" sejurus selepas "suratkhabar-suratkhabar tempatan";

(e) dalam perenggan (k), dengan memotong noktah dan menggantikannya dengan";";

(f) dengan menambah perenggan baru yang berikut —

"(l) jenis dan bentuk sebarang dokumen yang diperlukan bagi maksud-maksud Akta ini."

Tambahan Jadual-Jadual.

17. Akta tersebut adalah dipinda dengan menambah dua Jadual baru yang berikut —

"JADUAL PERTAMA

bab 3(1)

Bayaran Permit

1. Suratkhobar tempatan	\$5,000
2. Suratkhobar luar negeri —	
(i) kurang dari 200 naskhah	\$50
(ii) 200 hingga 500 naskhah	\$200
(iii) 501 hingga 1,000 naskhah	\$500
(iv) 1,001 hingga 4,000 naskhah	\$1,000
(v) lebih dari 4,000 naskhah	\$15,000

JADUAL KEDUA

bab 3(1)

Jumlah Deposit

Majalah tempatan	wang tunai \$20,000
Suratkhobar tempatan	wang tunai \$100,000."

Pindaan Peraturan-Peraturan Suratkhobar Tempatan.

18. Peraturan-Peraturan Suratkhobar Tempatan adalah dipinda —

(a) dalam peraturan 8 —

- (i) dengan memotong "membenar" dari baris pertama dan menggantikannya dengan "mencetak";
- (ii) dengan memotong "suratkhobar berita" dari baris terakhir dan menggantikannya dengan "suratkhobar";

(b) dengan membatalkan peraturan 12 dan menggantikannya dengan peraturan baru yang berikut —

"Bayaran pendaftaran.

12. Bayaran sebanyak \$100 hendaklah kena dibayar atas pendaftaran di bawah peraturan 2."

Pembuatan Peraturan-Peraturan Suratkhbar (Permit), 2001.

19. Peraturan-Peraturan yang berikut adalah dengan ini dibuat —

"Gelaran.

1. Peraturan-peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Suratkhbar (Permit), 2001.

Permohonan permit.

2. Setiap permohonan untuk mendapatkan suatu permit di bawah Akta tersebut hendaklah dibuat dalam borang sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Menteri.

Borang permit.

3. Permit yang diberikan di bawah Akta tersebut hendaklah dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual.

JADUAL

peraturan 3

Bil. Siri

KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

AKTA SURATKHABAR
(PENGAL 105)

Peraturan-Peraturan Suratkhavar (Permit), 2001

PERMIT UNTUK MENCETAK, MENERBITKAN, MENJUAL ATAU
MENGEDARKAN SURATKHABAR

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 3, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dengan ini memberi suatu permit kepada orang yang dinamakan di bawah bagi mencetak*, menerbitkan, menjual dan mengedarkan di dalam Negara Brunei Darussalam suratkhavar yang diperihalkan di bawah, tertakluk kepada syarat-syarat di belakang permit ini.

Nama dan alamat pemegang permit	
Nama dan alamat ejen di Negara Brunei Darussalam [bagi suratkhavar luar negeri]	
Nama suratkhavar	
Jenis kandungan	
Tempat dicetak	
Bahasa cetakan	
Tarikh dikeluarkan	
Tarikh tamat tempohnya	

.....
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri

Rujukan:

* Potong perkataan "mencetak" dalam hal suratkhavar luar negeri.

SYARAT-SYARAT".

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Diperbuat pada hari ini 5 haribulan Jamadilawal, Tahun Hijrah 1422 bersamaan dengan 26 haribulan Julai, 2001 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Dicetak oleh DATO PADUKA WAHID BIN HAJI SALLEH, Pengarah Percetakan,
di Jabatan Percetakan Kerajaan, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Harga B\$5.00